

18 AUG 2001

MAHATHIR-TIBA

MAHATHIR TIBA DI UGANDA UNTUK DIALOG PERKONGSIAN PINTAR

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KAMPALA, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini petang ini untuk Dialog Perkongsian Pintar Antarabangsa Global 2001 yang mana Uganda menjadi tuan rumahnya.

Dr Mahathir, yang tiba selepas mengakhiri lawatan rasmi ke Yemen, disambut semasa ketibaan di Lapangan Terbang Entebbe kira-kira 40km di luar ibu negara Uganda itu oleh Presiden Uganda Yoweri Museveni dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Uganda, Ali Abdullah.

Mengiringi beliau ialah isterinya Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan beberapa orang pegawai Malaysia.

Ini adalah pertama kali dialog Perkongsian Pintar diadakan di sebuah negara Afrika Timur selepas lima edisi sebelum ini di negara-negara Afrika Selatan, yang terakhir di Mozambique tahun lepas.

Dialog tidak rasmi itu, yang muncul daripada Dialog Antarabangsa Langkawi, adalah hasil ilham Dr Mahathir dan berasaskan kepada dasar makmurkan jiran anda di mana perkongsian haruslah menghasilkan faedah-faedah bersama.

Ia bermula malam ini dengan jamuan makan malam selamat datang yang diraikan oleh Presiden Museveni.

Ketua-ketua kerajaan daripada kebanyakan negara Afrika Selatan telah mengesahkan penyertaan mereka untuk dialog yang bertema "Mempertingkatkan Pelaburan Langsung Asing."

Lewat hari ini, Perdana Menteri dijangka merasmikan Malaysian Business Centre (U) Ltd (MBC), terletak di tengah-tengah bandaraya ini bertujuan untuk menggalakkan keluaran-keluaran Malaysia di Uganda.

MBC adalah usaha sama 60:40 antara Masscorp Trading Sdn Bhd dan seorang usahawan Malaysia berpangkalan di sini, Sekaran Vellasamy.

Semasa di sini, Dr Mahathir dan rombongannya akan tinggal di Speke Resort di Munyonyo Village di pantai Tasik Victoria kira-kira 15 km di timur Kampala di mana dialog itu yang berakhir Selasa ini akan diadakan.

Terletak di garisan Khatulistiwa, Uganda adalah sebuah negara di kelilingi tanah dan kira-kira 24,000 km persegi, lebih kurang sebesar United Kingdom, dengan penduduk seramai 22 juta.

Pertanian adalah industri utama menyumbang 56 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasarnya manakala perkilangan menyumbang 12 peratus.

Kopi adalah tanaman kontan, diikuti oleh teh, tembakau dan gula, pisang, ubi keledak dan kacang.

Uganda mempunyai sejarah politik yang bergelora sejak merdeka pada 1962 daripada Britain, telah mencatatkan tidak kurang daripada tujuh pertukaran kerajaan, empat daripadanya dilakukan oleh rampasan kuasa ketenteraan, termasuk regim Jeneral Idi Amin dari 1971 hingga 1979.

Presiden Museveni, yang mengepalai Pergerakan Pertahanan Kebangsaan, mengambil alih kuasa pada 1986 dan sejak itu, terdapat kestabilan politik yang telah menyumbang kepada kemakmuran yang meningkat negara ini. --

BERNAMA

MR FR OS